

# Nisbah pensyarah, pelajar di IPT harus dikecilkkan 1:10

KUANTAN 31 Julai — Nisbah pensyarah dan pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini seharusnya dikecilkkan lagi bagi membolehkan para pelajar menerima pelajaran dengan lebih berkesan.

Tokoh akademik, Tan Sri Ainuddin Abdul Wahid berkata, nisbah pensyarah-pelajar yang terbaik yang boleh diperaktikkan oleh IPT seluruh negara adalah 1:10.

“Nisbah ini juga pernah dianjurkan sendiri oleh Rasulullah dalam satu riwayatnya,” katanya di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Hari Patriotik di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) di Gambang dekat sini hari ini.

Katanya, meskipun nisbah berkenaan memerlukan tenaga pengajar yang banyak dan kos yang tinggi, namun ia perlu dilakukan bagi memastikan kualiti pendidikan negara terus meningkat.

Katanya, nisbah pensyarah-pelajar yang tinggi sekarang memberi kesan buruk kepada kedua-dua pihak dan sistem pendidikan itu sendiri.

Beliau berkata, pada masa ini nisbah pensyarah-pelajar amat besar sehingga terdapat sesi kuliah yang mencapai 100 pelajar.

“Ini tidak baik kerana para pensyarah tidak dapat mengenal dengan lebih dekat para pelajar dan menjaskannya pembelajaran pelajar,” katanya.

UM - 1/8/03